

PENTING

Sila Baca Dengan Teliti
Dokumen Ini



PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM) KE 20

GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA,
DIPLOMA & PROGRAM EKSEKUTIF

Membentuk Tunas Cemerlang

MAKLUMAN PENTING

Buku ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada graduan mengenai perkara yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas menghadiri Majlis Konvokesyen. Buku Panduan Graduan ini **WAJIB** dibaca dan difahami oleh setiap graduan bagi mengelakkan kekeliruan dan ketidaksampaian maklumat penting yang perlu diketahui seperti pendaftaran graduan, tarikh pengambilan jubah, tuntutan Sijil & Transkrip Akademik, penahanan Sijil & Transkrip Akademik, pakaian graduan & ibu bapa.

Panduan ini diharap membantu graduan sebelum, semasa dan selepas menghadirkan diri ke **Majlis Konvokesyen**. Graduan turut diingatkan supaya sentiasa **melayari laman sesawang Majlis Konvokesyen** dan *group* di Telegram untuk mendapatkan maklumat terkini tentang perjalanan Majlis Konvokesyen. Kerjasama daripada semua graduan amat saya harapkan untuk menjamin kejayaan keseluruhan Majlis Konvokesyen kalian.

Syabas dan tahniah kepada semua graduan.

SENARAI SEMAK

- Pastikan semua perkara seperti senarai di bawah telah dimuat turun dari laman web UCAM :-
 1. Surat jemputan ke Majlis Konvokesyen UCAM ke 20.
 2. Panduan Majlis Konvokesyen UCAM ke 20.
 3. Menjawap TRACER STUDY KPT
 4. Melengkapkan BORANG PENGESAHAN GRADUAN di SMP
 5. Muatnaik TRACER STUDY, PENGESAHAN GRADUAN dan KEPUTUSAN PEPERIKSAAN MUET (graduan Ijazah Sarjana Muda Sahaja) pada google form yang disediakan.
 6. Melengkapkan borang Maklumat Alumni

CAPAIAN BOLEH DI DAPATI DI PORTAL KONVOKESYEN

MAJLIS KONVOKESYEN KE-20
KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)
PADA 11 JULAI 2023 (SELASA)

MAJLIS KONVOKESYEN KE-20 KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA (UCAM)

Pengurusan UCAM ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana saudara/i yang telah berjaya menamatkan pengajian di UCAM. Majlis Konvokesyen adalah satu Majlis yang sangat bererti kepada para graduan. Dengan itu pengurusan UCAM berharap agar graduan dapat bekerjasama sepenuhnya demi kelancaran perjalanan majlis.

Graduan diminta supaya membaca dengan teliti Buku Panduan Konvokesyen ini dan mengikuti arahan yang terkandung di dalamnya. Jika mempunyai pertanyaan, sila hubungi urusetia yang dinyatakan. Berikut adalah maklumat penting mengenai majlis berkenaan yang mesti diambil ingatan oleh graduan. **SILA TELITI DAN FAHAMI KANDUNGAN BERIKUTNYA UNTUK MEMBANTU GRADUAN MENJAYAKAN MAJLISINI DENGAN SEBAIKNYA.**

Tarikh	Aktiviti	Tempat	Masa	Pakaian
10 JULAI 2023	Raptai dan Taklimat Bersama Graduan	Dewan Tuanku Canselor, USIM	10 pagi	Pakaian Kemas
11 JULAI 2023	Majlis Konvokeyen		7 pagi	Sila rujuk m/s 8

SESI PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA DAN SIJIL

- Majlis Konvokesyen akan berlangsung selama sehari dan hanya diadakan satu sesi. Graduan akan naik ke pentas untuk acara penganugerahan ijazah sarjana muda, diploma dan program eksekutif mengikut program masing-masing seperti berikut :-
 1. Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Kep.) (BAS)
 2. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Landskap (Kep.) (BLM)
 3. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Pertanian)(Kep.)(BBA)
 4. Diploma Sains Pertanian (DSP)
 5. Diploma Pengurusan Ladang (DPM)
 6. Diploma Pengeluaran Ternakan (DLP)
 7. Diploma Pengurusan Landskap (DPL)
 8. Diploma Perniagaantani (DPT)
 9. Diploma Pengurusan Perniagaan (DBM)
 10. Diploma Perakaunan (DA)
 11. Diploma Kewangan Islam (DKI)
 12. Diploma in English for Communication (DEC)
 13. Diploma Pembangunan Luar Bandar (DPLB)
 14. Diploma Sains Komputer (Rangkaian) (DSKR)
 15. Executive Programme in Leadership and Management (Advanced)(EPLaM)
 16. Program Eksekutif Pengurusan dan Pembangunan Luar Bandar (Lanjutan)(EPPLB)

PROSES WAJIB DILAKUKAN SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN

A. TUNGGAKAN YURAN

1. Pembayaran tunggakan yuran – sila hubungi Jabatan Kewangan di talian 012–469 6303 (*whatapps sahaja*) untuk menyemak status anda.
2. Semua graduan wajib membayar yuran konvokesyen termasuk yang tidak hadir bagi melayakkan anda menuntut Skrol dan Transkrip Keputusan Peperiksaan.
3. Pembayaran boleh dilakukan melalui *Cash Deposit Machine* CIMB atau perbankan internet ke akaun berikut:

BANK CIMB atas nama KOLEJ RISDA SDN. BHD, CIMB CAWANGAN ALOR GAJAH,

No. Akaun : 8601159142

4. Kegagalan graduan untuk membuat mana-mana bayaran tunggakan dan yuran konvokesyen akan menyebabkan proses-proses seterusnya **TIDAK BOLEH DILAKUKAN** iaitu:-
 - a. mengambil jubah konvokesyen;
 - b. menghadiri Majlis Konvokesyen; dan
 - c. mengambil Skrol dan Transkrip Keputusan Peperiksaan

NOTA PENTING:-

GRADUAN YANG TIDAK HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN JUGA PERLU MENJELASKAN YURAN KONVOKESYEN UNTUK MENUNTUT SKROL DAN TRANSKRIP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN.

B. PENGAMBILAN JUBAH KONVOKESYEN

- Graduan **WAJIB** mengambil jubah konvokesyen masing-masing mengikut jadual yang telah diberikan seperti berikut:-

TARIKH	SESI	MASA
10 JULAI 2023 (ISNIN)	PAGI	8.30 AM – 10.00 AM
	PETANG	12.30 PM – 2.00 PM

- Graduan di ingatkan untuk sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara.
- Graduan boleh mewakilkan individu lain untuk mengambil jubah konvokesyen jika tidak dapat hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Borang Wakil ada dimuatnaik di portal konvokesyen. Wakil dikehendaki membawa borang tersebut bersama.**
- Pengambilan jubah selepas dari tempoh di atas **TIDAK AKAN DILAYAN**.

C. KAD JEMPUTAN

- Kad jemputan untuk tetamu graduan akan diserahkan semasa sesi pengambilan jubah konvokesyen masing-masing.
- Setiap graduan yang hadir dibenarkan membawa tetamu **mengikut jumlah kad jemputan diterima**. Dua (2) orang tetamu dibenarkan masuk bagi setiap keping kad jemputan.
- Tetamu graduan hendaklah memegang kad jemputan untuk ditunjukkan kepada petugas di pintu masuk dewan. Tetamu graduan yang tidak membawa kad jemputan tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- Graduan **diwajibkan** meletakkan **KAD JEMPUTAN** di atas *dashboard* hadapan kenderaan yang dinaiki oleh graduan.
- Graduan dan pengiring digalakkan untuk **menaiki satu (1) kenderaan sahaja**.
- Sila patuhi arahan petugas keselamatan dan papan tanda yang disediakan semasa meletakkan kenderaan bagi mengelakkan kesesakan dan halangan kepada kenderaan lain.

KEHADIRAN PADA HARI RAPTAI

- Graduan dikehendaki melapor diri pada **10 JULAI 2023 mulai 10.00 pagi** di Dewan Tuanku Canselor, USIM, Nilai Negeri Sembilan. dan mengikuti raptai sehingga selesai.
- Pihak UCAM boleh menghalang mana-mana graduan yang tidak menghadiri Raptai dan Taklimat Konvokesyen daripada menyertai Majlis Konvokeyen Ke 20.**

KEHADIRAN PADA HARI KONVOKESYEN

- Graduan dikehendaki melapor diri kepada pegawai bertugas mengikut program pengajian masing-masing pada **11 JULAI 2023 mulai 7.00 pagi** di tempat yang telah ditetapkan. **Kelewatan melapor diri pada masa yang ditetapkan akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan masuk.**
- Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan. Graduan akan disusun dan akan dibekalkan dengan kad yang mengandungi butiran graduan dan juga selempang ANC jika berkenaan.
- Graduan **dilarang** membawa sebarang beg / beg tangan ke dalam dewan dan graduan juga dinasihatkan untuk bersarapan lebih awal sebelum melapor diri.
- Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas menuju ke dewan, para graduan diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh pegawai yang bertugas.
- Graduan yang datang lewat iaitu selepas perarakan masuk graduan pada hari konvokesyen, tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen.
- UCAM berhak menahan atau melarang graduan yang tidak melapor diri daripada menyertai Majlis Konvokesyen.
- Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai bertugas sepanjang majlis berlangsung.
- Graduan dan tetamu tidak dibenar meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.

TERTIB PENGURNIAAN IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA DAN SIJIL

- Graduan akan diiringi oleh pegawai bertugas naik ke pentas untuk menerima ijazah sarjana muda, diploma atau sijil melalui tangga sebelah kiri pentas mengikut program pengajian masing-masing. Graduan akan berbaris dalam satu barisan mengikut urutan yang ditentukan.
- Sebelum menaiki tangga ke pentas, graduan perlu menyerahkan kad nama kepada pegawai bertugas dan terus bergerak ke arah tangga dan menunggu arahan seterusnya daripada pegawai bertugas. Naik ke atas pentas selepas diarahkan.
- Sebaik nama diumumkan, graduan perlu bergerak dan terus berhenti di tanda seterusnya, tunduk mengadap YB. Menteri, bergerak dua langkah ke hadapan dan seterusnya menerima skrol dengan kedua belah tangan dan mengucapkan “Terima Kasih Dato’ Seri”.
- Setelah menerima skrol, graduan perlu tunduk dan bergerak turun dari pentas ke tangga untuk turun dari pentas terus ke tempat duduk semula berpandukan arahan pegawai bertugas.
- Keterangan lanjut tertib pergerakan ini akan diberikan semasa hari raptai.

PANDUAN PAKAIAN GRADUAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS KONVOKESYEN

GRADUAN LELAKI

1. Rambut – pendek, kemas dan tidak diwarnakan.
2. Kasut kulit hitam bertumit dan berstokin (kasut sukan atau sandal tidak dibenarkan)
3. Pakaian

GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA, DIPLOMA, PROGRAM EKSEKUTIF dan SIJIL

‘Lounge Suit’ berwarna hitam, kemeja lengan panjang berwarna putih atau cerah dan bertali leher (**kemeja T, seluar jeans atau seluar pendek TIDAK DIBENARKAN**).

4. Bagi **GRADUAN SIJIL**, anda **WAJIB** memakai **SONGKOK**.

GRADUAN WANITA

1. Graduan wanita yang bertudung digalakkan memakai tudung berwarna cerah.
2. Graduan wanita yang tidak memakai tudung – rambut hendaklah didandan dengan kemas jika panjang serta tidak diwarnakan.
3. Kasut bertutup penuh. Sandal samada bertali atau tidak adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Berkasut kulit hitam, bertumit yang tidak melebihi $2\frac{1}{2}$ inci.
4. Pakaian – sepasang baju kurung/kebaya warna bebas atau blouse warna putih dan skirt labuh, *plain* dan warna hitam. Pakaian hendaklah dipastikan tidak jarang.
5. Bagi graduan wanita yang bukan beragama Islam, skirt hendaklah melepas paras lutut, tidak terlalu terdedah dan baju hendaklah yang berlengan panjang(skirt atau seluar pendek tidak dibenarkan).

UMUM

- Rumbai (tassel) pada mortarboard hendaklah dibiarkan tergantung di hadapan sebelah kiri graduan.

MAJLIS KONVOKESYENINI ADALAH SATU ACARA RASMI UCAM. GRADUAN DIINGATKAN SUPAYA MEMATUHI PERATURAN PAKAIAN SEPERTI DINYATAKAN DI ATAS.

Graduan yang **TIDAK MEMATUHI** peraturan pakaian **TIDAK AKAN DIBENARKAN** masuk, berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Ijazah Sarjana Muda, Diploma atau Sijil.

NOTA PENTING

1. Set jubah **Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Program Eksekutif** terdiri daripada Jubah, *Hood* dan *Mortarboard* sahaja.
2. Pakaian yang tidak mengikut syarat akan menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan. Pastikan pakaian mengikut syarat, lengkap dan kemas.
3. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengubahsuai jubah yang disewa.

TETAMU GRADUAN

- Setiap graduan akan diberikan satu (1) keping kad jemputan untuk seorang (1) orang tetamu semasa pengambilan pakaian konvokesyen (tidak termasuk graduan).
- Seseorang tetamu mestilah berumur tidak kurang dari dua belas (12) tahun. **TETAMU YANG BERUMUR DI BAWAH 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN.**
- Pihak UCAM tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan kad masuk yang telah diedarkan dan kad yang hilang tidak akan diganti.
- Tetamu graduan adalah diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **11 JULAI 2023 mulai jam 8.00 pagi**.
- Tetamu graduan perlu menunjukkan kad jemputan kepada pegawai bertugas di pintu masuk. **KEGAGALAN** berbuat demikian menyebabkan tetamu **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.
- Tetamu graduan perlu mematuhi arahan-arahan daripada pegawai yang bertugas bagi memastikan kelancaran pergerakan ke dalam dewan dan semasa mengambil tempat duduk.
- **Jambangan bunga TIDAK DIBENARKAN di bawa masuk ke dalam dewan.**
- Tetamu graduan dilarang meninggalkan majlis sehingga majlis selesai.

PANDUAN BERPAKAIAN BAGI TETAMU GRADUAN

TETAMU LELAKI

- ‘Lounge Suit’ / baju batik / kemeja yang berlengan panjang / berbaju kebangsaan (seluar jeans dan kemeja-T **DILARANG**)
- Kasut bertutup (sandal / selipar **DILARANG**)

TETAMU WANITA

- Rasmi / Kebangsaan / Bersesuaian (pakaian gaun atau skirt hendaklah melebihi paras lutut, ‘blouse’ tanpa lengan, kemeja-T, jeans dan seluar adalah **DILARANG**)
- Kasut bertutup (sandal / selipar **DILARANG**)

Pakaian kurang sopan seperti jarang, ketat, mendedahkan dan yang tidak sesuai untuk majlis rasmi adalah tidak dibenarkan. **KEGAGALAN** mematuhi peraturan berpakaian akan menyebabkan tetamu graduan **DIHALANG** daripada memasuki dewan)

PERATURAN AM

- Graduan dinasihatkan supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, video, kamera, telefon bimbit, alat kelui (pager) atau sebagainya ke dalam dewan.
- Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan ibubapa / tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising.
- Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan tetamu yang lain adalah **DILARANG** sama sekali **MENGAMBIL GAMBAR / VIDEO**. Graduan hendaklah memaklumkan hal ini kepada ibu bapa / tetamu.
- Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung, graduan dan tetamu hendaklah mematikan telefon bimbit atau menukar ke mod senyap.

AMBIL DAN PULANG PAKAIAN KONVOKESYEN

Sila pastikan anda telah memuat naik pengesahan Borang Pengesahan Bergraduat dan Sijil Keputusan MUET (Graduan Ijazah Sarjana Muda sahaja) di link yang telah diberikan. Pihak UCAM akan menyemak semasa anda mengambil jubah konvokesyen. Jika belum berbuat demikian sila hubungi UPRP di talian 6017-309 7232 (Whatapps sahaja).

KEGAGALAN menyediakan dokumen di atas akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan untuk mengambil pakaian konvokesyen.

Pengambilan jubah pada hari konvokesyen **TIDAK AKAN DILAYAN**.

Graduan dinasihatkan supaya mematuhi jadual pengambilan dan pemulangan pakaian konvokesyen.

Berikut adalah butiran mengenai pengambilan dan pemulangan pakaian konvokesyen :-

AMBIL JUBAH	10 JULAI 2023 8.30AM-10.00AM 12.00PM-2.00PM Tempat: Dewan Tuanku Canselor, USIM
--------------------	--

PULANG JUBAH	11 JULAI 2023 1.00PM-3.30PM Tempat : Dewan Tuanku Canselor, USIM
---------------------	---

NOTA PENTING

Graduan **DIWAJIBKAN** memulangkan jubah pada tarikh yang telah ditetapkan. **Kegagalan berbuat demikian, skrol dan TRANSKRIP AKAN DITAHAN dan KOMPAUN akan dikenakan.**

PERATURAN DAN SYARAT PENYEWAAN PAKAIAN KONVOKESYEN

1. Graduan adalah bertanggungjawab kepada pakaian konvokesyen yang disewa. Sebarang kerosakan pada pakaian konvokesyen adalah tanggungjawab graduan.
2. Graduan **HANYA** dibenarkan mengambil pakaian konvokesyen mengikut hari dan masa yang ditetapkan bagi mengelak sebarang kesulitan pengurusan.

3. Graduan digalakkan mengambil pakaian konvokesyen sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai.
4. **Denda RM300** bagi graduan yang **LEWAT** memulangkan semula pakaian konvokesyen.
5. Denda **RM500, skrol dan transkrip ditahan** bagi graduan yang **MENGHILANGKAN** atau **MEROSAKKAN** jubah konvokesyen.
6. Denda **RM200, skrol dan transkrip ditahan** bagi graduan yang **MENGHILANGKAN** atau **MEROSAKKAN** *mortarboard* atau *hood*.

BAYARAN

1. Graduan hendaklah memastikan telah membayar **YURAN KONVOKESYEN**.
2. Gambar – graduan hendaklah berurusan dengan pembekal rasmi yang telah dilantik. Kaunter gambar akan dibuka pada 10 Julai 2023.

PROSEDUR BAYARAN

Bayaran untuk **YURAN KONVOKESYEN ATAU TUNGGAKAN** boleh dibuat semasa mengambil jubah atau memasukkan di mana-mana *CDM C/MB* pada nombor akaun yang diberikan.

Bayaran gambar sila berurusan dengan pembekal rasmi yang telah dilantik.

TUNTUTAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan pakaian akademik dengan syarat graduan tidak mempunyai tunggakan yuran dan juga alumni.

Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, ianya boleh **DITUNTUT DALAM TEMPOH 90 HARI** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Bahagian Pengambian dan Rekod Pelajar. Pihak UCAM tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan diatas. **SILA PASTIKAN ANDA TIDAK MEMPUNYAI YURAN TERTUNGGAK DAN TELAH MENDAFTAR SEBAGAI ALUMNI UCAM APABILA BERURUSAN MENDAPATKAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK.**

Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Skrol dan Transkrip dengan cara mengemukakan surat perwakilan / kebenaran dan salinan kad pengenalan graduan serta mencatatkan

nama dan nombor kad pengenalan orang yang diwakilkan dalam surat perwakilan / kebenaran serta resit bayaran graduan.

Para graduan sama ada menghadiri Istiadat Konvokesyen atau tidak, dan belum menjelaskan yuran graduan sepetimana yang ditetapkan atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan UCAM, Skrol dan Transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga yuran / hutang tersebut dijelaskan.

BAGI GRADUAN YANG TIDAK MENGHADIRI ISTIADAT KONVOKESYEN, SKROL DAN TRANSKRIP TIDAK AKAN DIPOSKAN, GRADUAN ATAU WAKIL DIKEHENDAKI HADIR SENDIRI KE UCAM UNTUK MENGAMBIL SKROL.

PERHATIAN

**PASTIKAN JUBAH KONVOKESYEN ANDA
BERADA DI DALAM KEADAAN KEMAS DAN
DIGOSOK**

SENARAI SEMAK

MASA	BIL	PERKARA	Catatan
SEBELUM MAJLIS KONVOKESYEN	1.	Memuatturun surat dan Buku Panduan Graduan dari laman web konvokesyen.	
	2.	Baca dengan teliti setiap maklumat / kandungan jemputan konvokesyen dan Buku Panduan Konvokesyen.	
	3.	Semak tatacara berpakaian dan penampilan semasa konvokesyen. Sediakan keperluan jika tiada.	
	4.	Maklumkan kepada ibubapa / tetamu mengenai tatacara berpakaian semasa majlis konvokesyen. Sediakan keperluan jika tiada.	
	4.	Menjawap Pengesahan Kehadiran dan Pendaftaran Alumni. Link terdapat di laman web konvokesyen.	
SEBELUM MENGAMBIL JUBAH KONVOKESYEN	1.	Jika anda mewakilkan orang lain untuk mengambil jubah konvokesyen, muatturun borang wakil di laman web konvokesyen. Pastikan anda dan wakil menurunkan tandatangan pada borang tersebut. Wakil perlu melakukan perkara 2 di atas.	

MASA	BIL	PERKARA	Catatan
SEMASA MENGAMBIL JUBAH KONVOKESYEN	1.	<p>Hadir mengikut tarikh dan masa yang telah di tentukan. Rujuk laman web konvokesyen.</p>	
	2.	<p>Berikut adalah kaunter-kaunter yang akan dilalui oleh bakal graduan. Setiap kaunter adalah wajib anda mendapatkan cop dan tandatangan petugas.</p> <p>KAUNTER SATU Semakan TRACER STUDY, Pengesahan Bergraduat, Kehadiran Konvokesyen dan Pendaftaran Alumni. (pastikan anda telah memuatnaik semua diatas bagi melicinkan perjalanan)</p> <p>KAUNTER DUA Semak lajer</p> <p>KAUNTER TIGA Kaunter gambar – bakal graduan hendaklah membayar terus kepada pembekal yang telah dilantik. Sila rujuk laman web berkenaan pakej yang ditawarkan atau hubungi terus pembekal. Sila sertai <i>telegram group</i> untuk gambar sahaja. Bayaran untuk gambar pentas RM60 (bayar terus ke pembekal)</p> <p>KAUNTER EMPAT Kaunter Jubah – pastikan set jubah yang diterima seperti yang dinyatakan.</p> <p>KAUNTER LIMA Kaunter Kad Jemputan – setiap bakal graduan akan diberikan satu (1) Kad Jemputan.</p>	<p>Jika wakil yang hadir pastikan wakil membawa sekali Borang Wakil yang LENGKAP.</p> <p>UCAM telah melantik RICH MOMENT PHOTO (RMP) SDN. BHD. sebagai pembekal fotografi rasmi pentas sempena Majlis Konvokesyen ke 20.</p> <p>Graduan boleh membawa dua (2) orang tetamu bagi setiap kad yang diterima.</p>

MASA	BIL	PERKARA	Catatan
SEMASA RAPTAI	1.	Hadiri raptai Majlis Konvokesyen mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Kehadiran adalah DIWAJIBKAN kepada semua graduan.	Tarikh : 10 JULAI 2023 Masa :10 am Pakaian : Kemas dan tidak berselipar
SEMASA HARI KONVOKESYEN	1.	Graduan berkumpul ditempat yang ditetapkan jam 7 pagi dan sila patuhi tatacara berpakaian seperti yang telah ditetapkan. PERINGATAN 1. Graduan diminta supaya tidak membawa sebarang beg / beg tangan, barang berharga dan dompet dan tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan. Pihak UCAM tidak akan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kehilangan / kerosakan harta benda..	Graduan akan diberikan Kad Nama dan Selempang ANC (jika mendapat ANC)
	2.	Beratur di dalam barisan / program anda mengikut arahan pegawai bertugas	
	3.	Berarak masuk dengan tertib dan ambil tempat duduk di dalam dewan mengikut arahan pegawai bertugas.	
	4.	Tunggu giliran program / nama anda dipanggil.	
	5.	Beratur untuk menerima sijil/diploma/ijazah apabila mendapat arahan pegawai bertugas.	
	6.	Serahkan Q-Card kepada pegawai bertugas	
	7.	Terima sijil /diploma/ijazah	
	8.	Duduk semula di tempat yang ditunjukkan oleh pegawai bertugas	

MASA	BIL	PERKARA	Catatan
PULANG JUBAH KONVOKESYEN	1.	Semua graduan WAJIB memulangkan jubah konvokesyen masing-masing selepas majlis konvokeyen berakhir. Sila ikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.	11 JULAI 2023 1.00PM-3.30PM Tempat : Dewan Tuanku Canselor, USIM
	2.	<p>Terdapat dua kaunter semasa pemulangan jubah.</p> <p>KAUNTER SATU Pemulangan Jubah – sila pulangkan didalam keadaan baik.</p> <p>KAUNTER DUA Transkrip dan Skrol – graduan boleh megambil transkrip dan skrol selepas pemulangan jubah. Transkrip dan skrol hanya akan diberikan kepada meraka yang tidak mempunyai TUNGGAKAN YURAN dan telah memuatnaik keputusan MUET. (pelajar Ijazah Sarjana Muda SAHAJA)</p>	

**GRADUAN DAN TETAMU DIINGATKAN SUPAYA MEMATUHI SOP DENGAN SENTIASA MEMAKAI PELITUP MULUT,
MENJAGA PENJARAKAN DAN MEMAKAI *HAND SANITIZER*.**

ALAMAT SURAT MENYURAT

KONVOKESYEN

KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA
LOT 2020, AYER PA'ABAS
78000 ALOR GAJAH, MELAKA
(u.p : Unit Pengambilan dan Rekod Pelajar)



PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen UCAM Ke 20, graduan boleh menghubungi pegawai di :-

Bahagian Pengambilan & Rekod Pelajar (BPRP)

Tel : 06-5529 227/642
HP : 6017-309 7232
Faks : 06-5529 963
Emel : konvo@ucam.edu.my

Membentuk Tunas Cemerlang